



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

AGENDA KEPENTINGAN RAKYAT MENJADI FOKUS MALAYSIA BAGI PEMBANGUNAN LESTARI DI FORUM BANDAR SEDUNIA (WUF) KE-12

KAHERAH, 6 November 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) hari ini menyampaikan Kenyataan Negara sempena Forum Bandar Sedunia (WUF) ke-12 yang memfokuskan isu tadbir urus pelbagai peringkat dalam usaha membentuk masa hadapan bandar yang mampan. Ini bagi memelihara kepentingan rakyat seiring kepesatan urbanisasi yang berkembang pesat di Malaysia pada ketika ini.

YB KM turut berkata, “Malaysia tekad untuk menangani isu-isu perbandaran termasuk masalah kesesakan dan kemampuan pemilikan perumahan”, ketika berucap di hadapan wakil antarabangsa yang terdiri daripada pembuat dasar.

Menurutnya lagi, “Kerajaan Perpaduan yang dipimpin oleh Perdana Menteri, YAB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, komited untuk memajukan ekonomi hijau, membangunkan sumber tenaga baharu, memacu peningkatan industri, mempromosikan ekonomi kitaran dan membangunkan program perumahan berpaksikan rakyat untuk memimpin negara ke arah pembangunan mampan.”

“Seperti kebanyakan negara lain, Malaysia sedang mengalami urbanisasi yang pesat, dengan lebih 80 peratus daripada populasi dijangka tinggal di kawasan bandar menjelang tahun 2030,” katanya di Meja Bulat Menteri WUF12.

“Untuk memajukan kesaksamaan sosial, kita mesti memastikan bahawa semua warganegara terutamanya golongan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, mempunyai akses kepada perumahan yang mampu milik dan berkualiti,” katanya.

Selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan sasaran untuk menyediakan 500,000 unit rumah mampu milik menjelang akhir tahun hadapan setelah mencapai 89 peratus daripada sasaran tersebut pada September 2024.

Program Residensi Rakyat (PRR) yang baharu dijenamakan semula bukan sahaja menekankan aspek kemampuan dan berdaya huni tetapi juga menggabungkan teknologi

hijau dan reka bentuk yang dinamik. Selain perumahan, Malaysia turut komited untuk meningkatkan taraf kualiti hidup bandar dengan membuka lebih banyak kawasan persekitaran hijau.

“Kita bercadang untuk membina dan menaik taraf 100 taman awam tahun hadapan untuk mempromosikan ruang hijau dan meningkatkan kesihatan mental terutamanya di kawasan bandar yang sibuk,” katanya.

Kerajaan juga sedang menilai semula amalan pengurusan tapak pelupusan sampah selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Kitaran. Ini telah dibuktikan melalui kejayaan mengubah suai tapak pelupusan sampah seluas 18.7 ekar di Johor yang menjadi taman rekreasi dilengkapi trek jogging dan sistem pemulihan alam sekitar.

Pemulihan ini selaras dengan Agenda Bandar Baharu (NUA) di mana Akta Pembaharuan Bandar bakal diwujudkan untuk menghidupkan semula kawasan bandar yang usang. Sebanyak 534 tapak pembangunan semula yang berpotensi telah dikenal pasti di seluruh Semenanjung Malaysia dengan jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM355.3 bilion. Akta ini akan mempermudah dan mempercepatkan usaha penjanaaan semula bandar untuk pembangunan semula.

Pemulihan George Town, Pulau Pinang dijadikan model contoh penggabungan pembangunan moden dengan pemeliharaan warisan.

“Marilah kita terus bekerjasama sebagai anggota komuniti global untuk membina bandar-bandar masa hadapan,” tambah YB KM.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

